

## KENYATAAN AKHBAR

### KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MENGENAI TARIKH AKHIR PENDEDAHAN AWAM DOKUMEN BERKAITAN LYNAS

#### TARIKH AKHIR PAMERAN AWAM DOKUMEN SYARIKAT LYNAS

1. Atas pertimbangan cadangan daripada pihak awam dan bersempena dengan sambutan serta cuti umum Tahun Baru Cina pada 23 dan 24 Januari 2012, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ingin memaklumkan bahawa pameran dokumen Syarikat Lynas (M) Sdn. Bhd. kepada orang awam akan ditutup selama 2 hari iaitu pada 23 dan 24 Januari 2012 disemua lokasi pameran.
2. Lanjutan daripada penutupan 2 hari tersebut MOSTI juga ingin memaklumkan bahawa tempoh pameran dokumen Syarikat Lynas untuk ulasan awam akan ditambah selama 2 hari lagi iaitu 25 dan 26 Januari 2012. Sehubungan ini, tarikh baru berakhirnya pameran awam adalah pada 26 Januari 2012.
3. Dengan ini, tarikh tutup penyerahan ulasan dan maklumbalas kepada LPTA yang telah pada asalnya ditetapkan pada atau sebelum Selasa, 24 Januari 2012, diubah kepada pukul 4:00 petang, hari Khamis, 26 Januari 2012.
4. Pameran awam dokumen ini diadakan dilokasi-lokasi yang sama seperti asal iaitu seperti berikut:

| BIL | LOKASI  | HARI/MASA   | PEGAWAI DIHUBUNGI   |
|-----|---|---|---|
| 1.  | <b>Ibu Pejabat LPTA</b><br>Batu 24, Jalan<br>Dengkil,<br>43800 Dengkil,<br>Selangor             | Isnin-Jumaat<br>(9 pagi - 4<br>petang)<br><br>3 salinan | Dr. Teng Iyu Lin<br>Email: <a href="mailto:yulin@aelb.gov.my">yulin@aelb.gov.my</a><br>Tel: 03-89225708 /<br>019-9183379  |
| 2.  | <b>Pejabat sementara<br/>LPTA ditapak</b><br>Lynas (M) Sdn.<br>Bhd., Gebeng,<br>Kuantan, Pahang | Ahad-Khamis<br>(9 pagi - 4<br>petang)<br><br>2 salinan  | En. Rozman Mohd. Tahar<br>Email:<br><a href="mailto:rozman@aelb.gov.my">rozman@aelb.gov.my</a><br>Tel: 09-8503 362 /<br>011-12152207<br><br>En. Mohd. Badrul Hisham<br>Nawi<br>Email:<br><a href="mailto:badrulhisham@aelb.gov.my">badrulhisham@aelb.gov.my</a><br>Tel: 013-6211027 |
| 3.  | <b>Pejabat LPTA</b>   | Ahad-Khamis   | En. Wan Nazhar WanTalib   |

|  |  |  |  |
|--|--|--|--|
|  | <b>Cawangan Timur</b><br>PT 6980, Bukit<br>Kuang Business<br>Centre, 24000<br>Kemaman,<br>Terengganu | (9 pagi - 4<br>petang)<br><br>1 salinan  | Email: nazhar@<br>aelb.gov.my<br>Tel: 09-8503362 /<br>012-3595724  |
| 4.   | <b>Pejabat SUK<br/>Pahang</b><br>Tingkat 2, Blok A,<br>Wisma Sri Pahang,<br>25503 Kuantan,<br>Pahang | Isnin - Jumaat<br>(9 pagi - 4<br>petang)<br><br>Sabtu - Ahad<br>(9 pagi -<br>3petang)<br><br>5 salinan | Y. Bhg. Dato' Hamdan<br>Hussin<br>[Setiausaha Sulit Kanan<br>kepada YAB Menteri<br>Besar]<br>Tel: 019-9394767<br><br>Tn. Hj. Ahmad Abu Bakar<br>Email:<br><a href="mailto:ahmad@aelb.gov.my">ahmad@aelb.gov.my</a><br>Tel: 03-8922 5761 /<br>019-2807866 |
| Nota: Semua lokasi tutup pada 23 Januari 2012 (Isnin) dan 24 Januari 2012 (Selasa) sempena perayaan Tahun Baru Cina. |  |  |  |

6. Sehubungan itu, orang awam yang berminat adalah dijemput hadir memberi ulasan seperti ketetapan dinyatakan. Sebarang ulasan hendaklah dikemukakan dengan menggunakan borang yang disediakan dilokasi pameran berkenaan.

7. MOSTI juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan “Selamat Menyambut Tahun Baru Cina” kepada seluruh rakyat Malaysia yang meraikan sambutan ini.